

SEGERA



KENYATAAN MEDIA

KUTIPAN TOL DI LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2

KAJANG, 11 Julai 2016 - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ingin mengumumkan bahawa kutipan tol di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang telah dibuka kepada trafik sepenuhnya mulai 31 Januari 2015 yang lalu akan berkuatkuasa mulai **jam 00.01 pagi, 15 Julai 2016**. Keputusan Kerajaan melaksanakan kutipan tol di LPT 2 selepas sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri dibuat setelah mengambil kira kepentingan rakyat.

Kerajaan telah melantik Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT 2 Sdn. Bhd.) sebuah syarikat milik penuh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS Berhad) untuk melaksanakan operasi, penyenggaraan dan kutipan tol di lebuhraya tersebut. Kutipan tol di lebuhraya ini perlu dilakukan untuk membiayai kos penyenggaraan dan operasi termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan peronda, kawasan rehat dan rawat serta lain-lain kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan pengguna-pengguna lebuhraya.



LPT2 sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor di Pahang hingga ke Kampung Gemuruh di Terengganu merupakan lebuhraya empat (4) lorong dua (2) hala, dilengkapi dengan kemudahan seperti sepuluh (10) persimpangan bertingkat, tiga (3) kawasan rehat dan rawat serta dua (2) hentian sebelah .

Lebuhraya ini akan melaksanakan kutipan tol secara sistem tol tertutup iaitu kadar tol akan dikira berdasarkan jarak perjalanan (*tollable distance*) yang telah dilalui oleh pengguna. Terdapat sepuluh (10) plaza tol di sepanjang jajaran LPT 2 seperti berikut :

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm |

✉ aduan@llm.gov.my

SEGERA

- 1) Plaza Tol Cheneh
- 2) Plaza Tol Chukai
- 3) Plaza Tol Kijal
- 4) Plaza Tol Kerteh
- 5) Plaza Tol Paka
- 6) Plaza Tol Kuala Dungun
- 7) Plaza Tol Bukit Besi
- 8) Plaza Tol Ajil
- 9) Plaza Tol Telemong
- 10) Plaza Tol Kuala Terengganu

Kadar tol permulaan bagi LPT 2 adalah 12 sen/km bagi kenderaan Kelas 1 (kereta). Sebagai contoh pengguna yang membuat perjalanan dari Plaza Tol Kuala Terengganu ke Plaza Tol Cheneh dan sebaliknya akan dikenakan bayaran tol sebanyak RM19.70.

Selanjutnya, pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui ke semua plaza tol ini bagi memastikan perjalanan yang lancar dan selamat ke destinasi yang dituju.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi *hotline* Lembaga Lebuhraya Malaysia di talian **1800 88 7752**.




Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia


11 Julai 2016

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

 : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 2692 |  : 03-87383555

 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm|

 aduan@llm.gov.my